

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK JUMAT BIN IDRIS [ SEPANGGAR ]  
TARIKH : 18 MEI 2015  
SOALAN :**

**YB Datuk Jumat bin Idris [ Sepanggar ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) adakah rakyat Malaysia begitu terdedah dengan penyakit Denggi ; dan
- (b) apakah cadangan Kementerian dalam menangani isu Denggi ini di kalangan rakyat Malaysia

**Tuan Yang di-Pertua,**

Rakyat Malaysia adalah terdedah dengan penyakit denggi kerana faktor-faktor berikut:-

1. Faktor persekitaran yang tidak bersih dan menyumbang kepada tempat-tempat pembiakan Aedes seperti bekas polisterine, bekas

plastik dan tayar terpakai. Ini disebabkan tabiat masyarakat yang membuang sampah merata rata dan tidak mengurus sampah dengan baik. Selain itu, kurangnya kesedaran masyarakat untuk melaksanakan tindakan pencegahan seperti membersihkan persekitaran mereka dan melaksanakan aktiviti "cari dan musnah" tempat pembiakan Aedes setiap minggu;

2. Pergerakan manusia yang tidak terbatas dan lebih meluas terutamanya bagi pesakit yang telah dijangkiti virus denggi akan mudah menyebarkan virus ke tempat lain apabila pesakit melawat ke tempat baru;
3. Kepadatan penduduk yang tinggi di kawasan bandar menyebabkan penularan jangkitan lebih mudah dan pembangunan yang pesat memberi kesan kepada peningkatan tempat-tempat pembiakan Aedes;
4. Berlaku perubahan serotaip denggi (*serotype shift*) dalam komuniti dan menyebabkan peningkatan kes serta kematian denggi. Misalnya pada tahun 2014, telah berlaku 2 kali *serotype shift* iaitu pada bulan Mac dan bulan Ogos dan dari pemerhatian KKM selepas 4 bulan berlakunya *serotype shift* tersebut, terdapat peningkatan kes dan juga kematian denggi; dan
5. Faktor cuaca contohnya musim hujan dimana bekas yang boleh menakung air akan menjadi tempat pembiakan Aedes menyebabkan populasi Aedes meningkat seterusnya menyebarkan virus denggi.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk menangani isu denggi di kalangan rakyat Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mencadangkan beberapa perkara berikut:-

1. Memastikan kediaman masing-masing bebas daripada tempat pembiakan Aedes dengan meluangkan hanya 10 minit setiap minggu, untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan Aedes. Selain itu, jangan membuang sampah secara merata-rata dan pengurusan sampah hendaklah dilakukan dengan baik oleh pihak berwajib;
2. Membubuh bahan pembunuh jentik jentik atau temephos (Abate) ke dalam bekas-bekas yang menakung air seperti kolah mandi, tangki air, alas pasu bunga, pam tandas dan sebagainya;
3. Menggunakan bahan pelindung diri seperti repellen bagi mengelakkan daripada gigitan nyamuk Aedes. Selain itu dinasihatkan untuk memakai seluar panjang dan baju lengan panjang, menggunakan jaring penghalang nyamuk di ruang rumah yang terbuka serta menggunakan aerosol bagi membunuh nyamuk dewasa;
4. Bekerjasama dengan masyarakat setempat dan lain-lain jabatan dan agensi dalam aktiviti gotong royong, Program Ayuh Gempur Aedes dan Program Communication for Behavioural Impact (COMBI); dan

5. Mendapatkan rawatan segera sama ada di klinik atau hospital sekiranya mengidap demam untuk mengelakkan berlakunya kematian dan komplikasi akibat denggi.